

Agenda UMK Menuju Universiti Apex Keusahawanan

Oleh : Syarimie Wosley & Dr. Nik Maهران bt. Nik Muhammad

Gambar : Dr. Nik Maهران bt. Nik Muhammad

Hebahan : Berita@umk.edu.my



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) meletakkan sasaran mencapai status *Accelerated Programme for Excellent* (Apex) dalam bidang penyelidikan keusahawanan untuk tempoh terdekat ini dengan mengambil pendekatan menganggotai *The Global Consortium for Entrepreneurship Education* (GCEE).

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, UMK komited ke arah menuju Universiti Apex dengan menyertai keanggotaan GCEE yang ditubuhkan oleh Babson College, yang berpangkalan di Amerika Syarikat.

Beliau berkata, sehingga kini, UMK merupakan satu-satunya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama di negara ini dipilih menjadi anggota GCEE.

“Justeru itu, pihak UMK telah menandatangani perjanjian itu dengan diwakili oleh Naib Canselor UMK dan Ketua Pegawai Eksekutif Babson College, Shahid Ansari, ketika lawatan kerja delegasi UMK ke Babson College, Amerika Syarikat, pada 3 April 2013.

Hadir sama, Ahli Lembaga Pengurusan Universiti, YBhg. Dato' Mahamed bin Hussain, Timbalan



Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dan Pengarah Pusat Hal Ehwal Korporat, YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad.

Turut hadir, wakil daripada Babson College iaitu Profesor of Management, Babson College, Farhoud Kafi, Assitant to the Provost Global Activties, Thomas J. Simon dan Program Coordinator GCEE, Michell Hacklet.



Menurut Prof. Dato' Dr. Raduan, menerusi keanggotaan itu membolehkan UMK memperoleh pelbagai kelebihan serta kemudahan dalam bidang keusahawanan akademik.

Jelas beliau, UMK akan menggunakan sebaik-baiknya peluang ini kerana peluang ini jarang diberikan kepada Institusi Pengajian Tinggi lain terutamanya di Malaysia.

“Dengan menganggotai GCEE, Universiti dapat akses sepenuhnya dengan Babson College untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan berasaskan keusahawanan seperti reka bentuk kurikulum, latihan fakulti, dan panduan mengenai penubuhan Pusat Keusahawanan,”katanya.
